



Persatuan Insurans Hayat Malaysia
Life Insurance Association of Malaysia



MALAYSIAN TAKAFUL
ASSOCIATION

Semua yang Anda Perlu Tahu Tentang Penamaan Insurans Hayat/ Takaful



Apakah itu penamaan?


Hak yang diberikan kepada pemegang polisi/sijil untuk melantik seseorang untuk menerima manfaat polisi/sijil apabila anda meninggal dunia

Mengapakah ianya penting?



- Melindungi kepentingan orang yang tersayang.
- Memudahkan proses tuntutan yang mungkin boleh mengambil masa beberapa tahun dan memastikan manfaat insurans/Takaful anda dapat diberikan dengan lebih pantas.

Siapakah yang boleh saya namakan?



- Anda boleh menamakan sesiapa sahaja selain daripada diri sendiri untuk menerima manfaat polisi/sijil apabila anda meninggal dunia.
- Anda perlu memastikan bahawa penama mengetahui pelan yang telah anda sertai.

Bilakah saya perlu membuat penamaan?



- Semasa permohonan polisi/ sijil atau pada bila-bila masa, apabila perlu.
- Anda juga boleh mengubah penamaan pada bila-bila masa sepanjang tempoh polisi/ sijil.
- Borang penamaan terkini yang dikemukakan dan dilaksanakan oleh syarikat insurans dan pengendali Takaful akan menggantikan semua penamaan terdahulu, jika ada.

Bagaimakah caranya untuk membuat penamaan?



- Lengkapkan borang penamaan yang telah disediakan oleh syarikat insurans dan pengendali Takaful.
- Borang penamaan mestilah ditandatangani oleh saksi yang berumur 18 tahun dan ke atas yang memiliki kesihatan mental yang baik dan bukanlah dari penama anda *
- Nyatakan bahagian yang ingin diagihkan kepada setiap penama.
- Pastikan syarikat insurans/ pengendali Takaful mengesahkan penamaan anda.

Oleh itu, laksanakan tanggungjawab anda dengan membuat penamaan hari ini! Untuk maklumat lanjut, sila hubungi syarikat insurans/pengendali Takaful anda.

www.liam.org.my

www.malaysiantakaful.com.my

*Tertakluk kepada terma dan syarat